

KENYATAAN MEDIA

Mohd Iskandar Dzulkarnain dilantik Pengarah Urusan AmanahRaya REIT Baharu

Kuala Lumpur, 17 Mac 2025 – AmanahRaya Real Estate Investment Trust (“AmanahRaya REIT”) hari ini mengumumkan pelantikan **Mohd Iskandar Dzulkarnain Ramli** sebagai **Pengarah Urusan AmanahRaya Kenedix REIT Manager Sdn. Bhd. (“AKRM”)**, berkuat kuasa serta-merta. Dengan pelantikan ini, Mohd Iskandar Dzulkarnain yang kini menyandang kepimpinan penuh AmanahRaya REIT, akan terus memperkukuh komitmen ‘Amanah’ terhadap pertumbuhan strategik dan kecemerlangan operasi.

Mohd Iskandar mempunyai kepakaran yang luas dalam bidang strategi korporat, pengurusan kewangan dan pelaburan hartanah. Ketika menyandang jawatan sebagai Pemangku Pengarah Urusan AKRM, beliau telah menampilkan ciri-ciri kepimpinan yang baik dan menghasilkan pemikiran strategik yang berupaya mendorong AmanahRaya REIT bagi mencapai matlamat jangka panjangnya. Dengan tumpuan yang mendalam terhadap peningkatan kecekapan operasi dan nilai portfolio, beliau komited untuk meletakkan AmanahRaya REIT bagi pertumbuhan yang mampan. Pendekatan beliau yang berpandangan jauh mengukuhkan dedikasi ‘Trust’ terhadap aset berkualiti tinggi yang menjana pendapatan, terutamanya dalam sektor pendidikan, perindustrian dan kesihatan.



En. Mohd Iskandar Dzulkarnain,
Managing Director of
AmanahRaya Kenedix REIT
Manager Sdn. Bhd. ([Pautan](#))

Pengarah Urusan AKRM, Mohd Iskandar Dzulkarnain berkata, ‘Saya berbesar hati untuk memikul peranan sebagai Pengarah Urusan dan memimpin AmanahRaya REIT ke arah pencapaian yang lebih baik. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Lembaga Pengarah AKRM kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk memikul tanggungjawab ini. Keutamaan kami kekal tertumpu pada mengoptimumkan portfolio aset, menghasilkan pertumbuhan yang mampan dan memastikan nilai jangka panjang untuk pemegang unit kami. Dengan asas yang kukuh,

KENYATAAN MEDIA

saya yakin AmanahRaya REIT berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan peluang baharu dan memperkukuhkan lagi kewujudannya dalam pasaran.'

Lembaga Pengarah AKRM melahirkan keyakinan terhadap keupayaan Mohd Iskandar Dzulkarnain untuk memimpin AmanahRaya REIT ke fasa pertumbuhan seterusnya. Mereka menyokong penuh kepimpinan dan komitmen beliau untuk memacu pengambilalihan strategik, peningkatan portfolio dan strategi pelaburan yang berfokus kepada elemen Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

AmanahRaya REIT kekal komited terhadap kestabilan, pertumbuhan dan kemampanan, di dalam memastikan pemegang unitnya terus mendapat manfaat daripada strategi pengurusan aset yang mantap, pengekalan tahap penyewaan yang tinggi dan pengurusan kewangan yang berdisiplin. Dengan peralihan kepimpinan ini, AmanahRaya REIT bersedia untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai 'Amanah' pelaburan hartanah utama di Malaysia, yang memberikan pulangan konsisten di samping nilai jangka panjang yang lebih tinggi.

--- TAMAT ---

MENGENAI AMANAHRAYA REIT

AmanahRaya Real Estate Investment Trust (AmanahRaya REIT) ialah dana pelaburan hartanah yang terkenal di Malaysia. Ditubuhkan pada 10 Oktober 2006, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 26 Februari 2007, ia memberi tumpuan kepada menyediakan pelabur dengan portfolio hartanah yang pelbagai.

Pada 31 Disember 2023, AmanahRaya REIT mempunyai 12 hartanah dengan jumlah nilai saksama RM1.242 bilion. Portfolio dipelbagaikan merentas pelbagai jenis hartanah, termasuk kompleks pejabat, institusi pendidikan, bangunan perindustrian, kompleks runcit dan hotel. Hartanah tersebut terletak secara strategik di kawasan utama seperti Johor (wilayah Selatan), Kedah dan Langkawi (wilayah Utara), dan Lembah Klang, yang merangkumi Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam, Damansara Heights, dan Subang Jaya. Kepelbagaian geografi dan sektor ini membantu mengurangkan risiko dan menstabilkan pulangan, memberikan pendedahan yang seimbang untuk pelabur.

MENGENAI AMANAHRAYA-KENEDIX REIT MANAGER SDN. BHD

AmanahRaya-Kenedix REIT Manager Sdn. Bhd. (AKRM), usaha sama antara Amanah Raya Berhad dan KDA Capital Malaysia Sdn. Bhd. (KDA Capital), telah ditubuhkan pada 8 Mei 2009. Ia mengambil alih pengurusan AmanahRaya Real Estate Investment Trust (AmanahRaya REIT) daripada pengurus terdahulu, AmanahRaya-JMF Asset Management Sdn. Bhd. (kini AmanahRaya Investment Management Sdn. Bhd.), pada 27 Ogos 2009.

KENYATAAN MEDIA

Pada 31 Disember 2023, AKRM mempunyai modal saham dibenarkan sebanyak RM5 juta dan modal saham berbayar sebanyak RM1.5 juta. Kenedix, Inc., melalui KDA Capital, membuat pelaburan besar dalam AKRM, memperoleh 49% kepentingan, manakala Amanah Raya Berhad mengekalkan 51% saham mengawal. KDA Capital juga membeli 15% unit AmanahRaya REIT.

Tanggungjawab teras AKRM adalah untuk menguruskan strategi pelaburan AmanahRaya REIT, bertujuan untuk mencapai pulangan yang stabil dan mampan untuk pemegang unitnya. Ini melibatkan penyeliaan objektif pelaburan amanah dan memastikan portfolio memberikan prestasi dan nilai yang konsisten kepada pelabur.

Dikeluarkan oleh: Amanah Raya Berhad dan Swan Consultancy. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Azura Shamsuddin
Ketua
Jabatan Komunikasi Kumpulan
Tel: 03-2055 7488
Faks: 03-2072 1434
E-mel: sitiazura@arb.com.my

Halimatul Saadiah Abu Kusan
Penolong Pengurus
Jabatan Komunikasi Kumpulan
Tel: 03-2055 7375
Faks: 03-2072 1434
E-mel: halimatulsaadiah@arb.com.my

Noor Atiyya Binti Mahmud
Pengurus Hubungan Pelabur
Amanahraya-Kenedix REIT Manager Sdn. Bhd.
Tel: +60 13-808 8825
E-mel: nooratiyya@akrm.com.my

Jazzmin Wan
Pengurus Hubungan Awam
Swan Consultancy
Tel: +60 17-289 4110
E-mel: j.wan@swanconsultancy.biz

Renee Toh
Eksekutif
Swan Consultancy
Tel: +60 12-2289621
E-mel: r.toh@swanconsultancy.biz